

'Tidak terkesan makian'

Oleh MOHAMAD SHOFI
MAT ISA
utusannews@mediamulia.com.my

TEMERLOH: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau tidak terkesan dengan kritikan dan hinaan mengenai isu pengeluaran kali terakhir wang dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-Citra yang banyak dibuat di media sosial.

Perdana Menteri berkata, fokusnya yang lebih utama ketika ini adalah terus bekerja menjaga kepentingan rakyat.

“Yang tidak berpuas hati akan terus tidak berpuas hati. Yang memaki hamun akan terus membuat kerja mereka.

“Saya kerja, saya menjaga kepentingan rakyat dan tugas orang untuk memaki dan menghina melalui media sosial (berhubung i-Citra) itu tugasnya.

“Saya tidak terkesan, yang hendak hentam terserah kepada mereka. Ia tidak menyekat tugas saya untuk terus bertugas demi kepentingan rakyat,” kata beliau selepas menyempurnakan Misi Bantuan Keluarga Malaysia bagi mangsa banjir di Lanchang, dekat sini semalam.

Semalam, beliau dilaporkan berkata, kerajaan sedar kehidupan mangsa-mangsa banjir pada beberapa bulan mendatang adalah amat mencabar dan memerlukan sokongan semua untuk bangkit semula membina kehidupan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, penyaluran



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Dewan MPT Dataran Bahaman di Lanchang, Temerloh semalam. - MINGGUAN/SHAIK AHMAD RAZIF

wang ihsan kepada mangsa banjir dalam tempoh hanya 10 hari selepas mangsa dilanda musibah itu disifatkan paling cepat dalam sejarah.

Katanya, beliau mengarahkan supaya bantuan segera disalurkan kepada rakyat kerana memahami rakyat memerlukan bantuan segera untuk memulihkan kehidupan mereka.

Beliau berkata, selain bantuan segera, kerajaan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat akan membincangkan perancangan jangka panjang bagi mengelak musibah banjir daripada terus

berlaku.

Katanya, ini bagi memastikan pegara tidak terus berbelanja besar setiap kali banjir yang mana sehingga kini RM1.4 bilion diperuntukkan untuk bantuan tidak termasuk kos untuk membaik pulih kerosakan infrastruktur seperti jalan raya.

“Selepas berakhirnya banjir, jawatankuasa itu akan segera bermesyuarat bagi melihat penyelesaian secara tuntas dan menyeluruh berkaitan musibah tersebut di seluruh negara.

“Segala aspek akan dilihat oleh kerajaan termasuk mem-

babitkan kedalaman sungai, tebatan banjir, kawasan simpanan air, terowong dan juga kawasan penempatan banjir,” katanya.

Berhubung tebatan banjir, Ismail Sabri berkata, memandangkan ia melibatkan kos yang tinggi, kerajaan akan fokus ke daerah-daerah atau kawasan yang berpotensi tinggi dilanda banjir terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Beliau berkata, kerajaan juga melihat kepada keperluan untuk mewujudkan kawasan simpanan air bagi kegunaan sewaktu musim kemarau.